

23 OCT 1998

BELANJAWAN-PENGGABUNGAN/I

DUTI SETEM DAN CUKAI KEUNTUNGAN HARTANAH DIKECUALI CUKAI

KUALA LUMPUR, 23 Okt (Bernama) -- Duti-duti setem dan cukai keuntungan hartanah sebenar berkaitan dengan penggabungan akan dikecualikan daripada cukai, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, pengecualian itu, yang diberikan bagi penggabungan yang diselesaikan mulai 24 Okt, 1998 dan 30 Jun 1999, bertujuan mengurangkan kos penggabungan.

Pada masa ini, penggabungan yang memenuhi peruntukan di bawah Seksyen 15 Akta Setem 1949 dan Jadual 2 Cukai Keuntungan Harta Sebenar 1976 layak untuk pengecualian duti dan cukai.

Mengumumkan Belanjawan 1999 RM65.095 bilion di Parlimen di sini petang ini, Perdana Menteri juga berkata bahawa tahap pendedahan itu akan ditingkatkan bagi sektor-sektor awam dan swasta.

Sebuah Jawatankuasa Kewangan peringkat tinggi mengandungi wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta telah merangka satu rangka kerja untuk memulakan pentadbiran kawalan korporat yang akan menjamin kehematan dan ketelusan dan juga menetapkan amalan-amalan terbaik bagi sektor kewangan.

Mengenai penggabungan, katanya, ia kini telah digalakkan oleh kerajaan untuk beberapa tahun dan adalah penting supaya memastikan bahawa bank-bank adalah berdaya maju dan cekap.

Tindakan ini adalah sejajar dengan matlamat kerajaan untuk membolehkan institusi-institusi kewangan bersiap sedia untuk mereka menghadapi persaingan yang lebih besar kerana liberalisasi sektor kewangan yang akan muncul kelak.

Dr Mahathir berkata penggabungan akan memperkukuhkan institusi-institusi kewangan tempatan.

-- BERNAMA

MR SHY OS